



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 21 NOVEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	UBUR – UBUR KOTAK ADA RACUN BAHAYA, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	RUSSIAN TODDLER DIES FROM BOX JELLYFISH STING IN LANGKAWI, NATIONAL, THE SUN, M/S – 5	
3.	JENAMAKAN DURIAN RAJA BUAH ASEAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 9	LAIN – LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Ubur-ubur kotak ada racun bahaya

ALOR SETAR – Ubur-ubur kotak yang menjadi punca kematian seorang kanak-kanak warga Rusia di Pantai Chenang, Langkawi, Sabtu lepas dikenali sebagai spesies berbahaya kerana mengandungi toksin yang menyerang saraf dan jantung, menyebabkan kesakitan melampau, kegagalan jantung, dan kematian dalam beberapa minit.

Pengarah Perikanan Kedah, Sukri Deris berkata, pihaknya mengesan spesies itu di perairan Langkawi sejak beberapa hari lepas dalam kuantiti sederhana.

“Kehadiran ubur-ubur kotak ini dikesan pada kadar yang sederhana pada tahun ini, bermaksud ia tidak begitu banyak sehingga melumpuhkan aktiviti rekreasi secara menyeluruh.

“Walau bagaimanapun, kehadirannya cukup untuk menimbulkan ancaman terhadap

aktiviti di perairan, sama ada rekreasi mahupun perikanan,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau menambah, kehadiran spesies ini dalam kadar sederhana menjadikannya agak sukar dikesan dan hanya disedari selepas kejadian baru-baru ini di Pantai Chenang.

“Ubur-ubur ini boleh ditemui dari perairan Australia hingga Asia Tenggara.

“Kehadirannya di Langkawi mungkin dipengaruhi oleh peralihan monsun dari barat daya ke timur laut, yang mengubah corak arus laut.

“Arus yang berubah dan limpahan air akibat hujan lebat mungkin menghanyutkan ubur-ubur ini lebih dekat ke pesisir pantai di mana makanan lebih mudah diperolehi,” ujarinya.

Sukri berkata, pihaknya akan

terus memantau spesies itu dan bekerjasama dengan Jawatankuasa Bencana Daerah bagi tindakan yang selanjutnya.

“Hebahan awam akan diteruskan untuk meningkatkan kesedaran mengenai bahaya spesies ini.

“Orang ramai dinasihatkan berhati-hati ketika berada di pantai dan memakai pakaian yang menutup anggota badan sepenuhnya,” katanya.

Semalam, akhbar melaporkan percution sebuah keluarga warga Russia berakhir tragis apabila seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun, Vladimir Iakubanets, meninggal dunia selepas disengat ubur-ubur pada Sabtu lepas.

Kanak-kanak itu meninggal dunia di Hospital Sultanah Bahiyah di sini pada pukul 9.46 pagi setelah menerima rawatan sejak 16 November lepas.



GAMBAR kiri, contoh spesies ubur-ubur kotak. Papan tanda amaran bahaya serangan ubur-ubur diletakkan di Pantai Chenang, Langkawi (kanan).

Russian toddler dies from box jellyfish sting in Langkawi

ALOR SETAR: A two-year-old Russian boy, who was reported to have been stung by jellyfish at Cenang Beach in Langkawi last Saturday, died at the Sultanah Bahiyah Hospital on Wednesday.

His father Nikita Iakubanets, 32, said his son Vladimir was pronounced dead at 9.46am after four days of treatment.

"The doctor said our child was poisoned by jellyfish, then his heart stopped. The doctor also said our child had (major) injuries on his legs caused by jellyfish, and that it was a 'box jellyfish'."

Iakubanets, who was accompanied by his wife Olga, 32, added that the medical team at the hospital did their best to save their son and expressed gratitude for their efforts.

Recalling the incident, he said the family was swimming at Cenang Beach when they heard their son scream.

He added that his wife then carried their son to the shore and tried to administer CPR before taking him to a nearby clinic.

Iakubanets said his son was first referred to the Sultanah Maliha

Hospital, before being sent to the Sultanah Baiyah Hospital the following day.

He also said this was their first visit to Malaysia and Langkawi after arriving on Nov 14, and they had planned to stay until Nov 26.

Meanwhile, his wife said they plan to cremate their son and take his ashes home to Khabarovsk, Russia.

"Our son is our hero. He is our little angel. Every day we told him we loved him, and he always said he loved us too."

Meanwhile, the Kedah Fisheries Department has confirmed the

presence of box jellyfish in Langkawi. Its director Sukri Deris said their presence this year has been detected at a moderate level and is not at a scale that would completely halt recreational activities.

"Nevertheless, their presence is sufficient to pose a danger to activities in these waters, whether recreational or commercial activities such as fishing."

He said the species could be found in waters from around Australia up to Southeast Asia, and that the monsoon transition may have carried them into

Langkawi waters.

"Changing sea current patterns may also be pushing the species closer to shore, in addition to large volumes of water discharged from land due to heavy rainfall, which carries nutrients into the sea."

"This may influence the presence of box jellyfish near the coastline, as food sources become more abundant in coastal areas when more freshwater flows into the sea."

"Continuous announcements will also be made to raise awareness of the dangers posed by jellyfish."

- Bernama

21/11/2025

SINAR
HARIAN

NASIONAL

9

Jenamakan durian Raja Buah ASEAN

Wajar jadi aset bersama kerana sejarah, ekologi dan industri pengeluaran menghubungkan negara-negara Nusantara

Durian perlu diangkat sebagai produk identiti serantau dan dijenamakan sebagai Raja Buah ASEAN bagi memperkukuh industri serta memanfaatkan potensi komersialnya di peringkat global.

Pengerusi Persatuan Pembangunan Komuniti Perak Tengah, Nordin Abdul Malek berkata, meskipun



NORDIN

setiap negara mempunyai dasar tersendiri dalam menentukan buah-buahan kebangsaan, durian wajar dianggap sebagai aset bersama rantau ini kerana sejarah, ekologi dan industri pengeluarannya telah lama menghubungkan negara-negara Nusantara.

Beliau berkata, empat negara iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand dan kini Vietnam mempunyai ekosistem geografi serta iklim sesuai untuk menjadikan durian sebagai komoditi bernilai tinggi sehingga mampu menembusi pasaran Asia dan antarabangsa.

"Setiap negara bebas menjadikan durian buah kebangsaan masing-masing namun kita patut melihatnya dalam dimensi lebih besar iaitu bagaimana durian boleh menjadi produk identiti ASEAN."

"Durian bukan hanya dima-



FOTO: BERNAMA

Malaysia, Indonesia, Thailand dan Vietnam mempunyai ekosistem geografi serta iklim sesuai untuk menjadikan durian sebagai komoditi bernilai tinggi.

kan segar tetapi boleh diproses kepada pelbagai produk nilai tambah malah ada kajian menyentuh potensi perubahan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian semasa mengulas dakwaan kerajaan Indonesia bahawa negaranya mempunyai asas yang jauh lebih kukuh berbanding Malaysia untuk menobatkan durian sebagai buah kebangsaan.

Sementara itu, Nordin berkata, penyelidikan terhadap biji,

isi dan kulit durian telah pun dijalankan di beberapa negara sekali gus membuka ruang kepada pembangunan produk kecantikan, makanan ringan dan bahan berasaskan bioteknologi.

Tambah beliau, usaha pembentukan blok pengeluaran durian ASEAN telah dibincangkan bersama wakil industri di Thailand sempena pengantarjuran Festival Durian Antarabangsa Kampung Gajah 2025 di daerah Perak Tengah baru-baru ini.



Laporan Sinar Harian pada Khamis